

20/02/2005

'Yayasan Kepimpinan Perdana bukan hak peribadi saya'

Oleh Nuraina A Samad

TERBINA megah di hujung laluan berliku dengan berlatarkan tasik di satu sudut sunyi di Putrajaya, pelbagai khazanah ilmu dan maklumat tersimpan rapi di sebuah banglo tersergam indah dan dikelilingi persekitaran amat menyenangkan.

Tidak ramai yang menyedari kewujudan bangunan itu, tapi bagi pengunjung tetapnya, Yayasan Kepimpinan Perdana adalah sumber lengkap pendokumentasian maklumat mengenai tokoh yang pernah bergelar Perdana Menteri Malaysia.

Penasihat Kehormatannya yang juga Perdana Menteri keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyedari ramai rakyat negara ini tidak mengenali yayasan itu - baik dari aspek kewujudan mahu pun lokasinya.

Pun demikian, hakikat itu tidak dianggap mengejutkan kerana yayasan yang diperbadankan pada Januari 2003 itu sememangnya kurang menonjol dari segi operasinya.

Yayasan Kepimpinan Perdana ditubuhkan sebagai organisasi bukan bermotifkan keuntungan yang bertujuan memelihara, memaju dan menyebarkan peninggalan intelektual bekas Perdana Menteri menerusi penyelidikan dasar, strategi dan inisiatif pembangunan negara dalam era pentadbiran masing-masing.

Pada pandangan Dr Mahathir, apabila rakyat memahami sumbangan pemimpin terdahulu negara, ia dengan sendirinya akan meningkatkan kefahaman mengenai bagaimana Malaysia mencapai kejayaan politik, sosial dan ekonomi - sesuatu yang ingin dipelajari oleh negara lain.

"Saya diundang ke pelbagai negara kerana orang luar berminat mengetahui rahsia di sebalik kejayaan Malaysia - sebagai satu-satunya negara membangun - melakukan transformasi dari negara berasaskan pertanian kepada yang berasaskan industri dalam tempoh singkat.

"Lebih istimewa, kita dapat mengekalkan keharmonian hubungan pelbagai kaum pada masa sama," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijadual merasmikan yayasan itu, Mei depan.

Idea pembentukan Yayasan Kepimpinan Perdana tercetus hasil cadangan membina tugu peringatan bagi Dr Mahathir sebelum beliau berundur sebagai Perdana Menteri.

"Ia disuarakan oleh setiausaha politik saya, Matthias Chang. Mereka mahu melakukan sesuatu seperti membina tugu peringatan tetapi saya masih hidup, jadi mana boleh dibina tugu seperti itu," katanya.

Apabila dicadangkan supaya dibentuk yayasan untuk mendokumentasikan segala sumbangan dan dasarnya selama menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir menyarankan diwujudkan organisasi untuk mengkaji, mengumpul, menyebarkan dan mengembangkan sumbangan merangkumi pemimpin sebelumnya - Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn.

"Segala pencapaian negara ini adalah hasil sumbangan mereka, maka itu tujuan sebenarnya. Kita menyimpan semua rekod, dokumen dan rakaman visual audio keempat-empat perdana menteri untuk bekalan generasi akan datang supaya kajian mengenainya dapat dilakukan," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyifatkan yayasan itu sebagai pemberian kerajaan kepadanya.

"Saya tidak mahu menerima apa-apa atas dasar peribadi. Saya tidak suka diagung-agungkan. Malah ketika masih dalam kerajaan, saya tidak membenarkan gambar saya dipampang atau bangunan dinamakan bersempena nama

saya.

"Ini bukan untuk saya. Ia adalah untuk empat Perdana Menteri dan sumbangan mereka terhadap negara perlu dihargai.

"Selain berterima kasih, kita juga perlu memberi penekanan bercorak ilmiah. Kita mahu mengetahui sumbangan mereka secara terperinci, sejarah negara lama sebelum mencapai kemerdekaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, maklumat yang dikumpul yayasan itu diperoleh daripada perpustakaan dan pusat sumber "di merata tempat, dalam dan luar negara. Malah, kami sedia membeli maklumat jika ia perlu dilakukan."

Antara koleksi di perpustakaan dan pusat sumber yayasan itu ialah buku, monograf, siri tulisan dan artikel, rakaman suara, video, slaid, gambar serta sumber rujukan.

Ia turut menyediakan mempunyai capaian internet (<http://library.perdana.org.my:800>), pinjaman dan tempahan menerusi online, penghantaran elektronik, penghantaran dokumen dan pakej maklumat penyelidikan.

Yayasan itu dibuka dari jam 9 pagi hingga 4.30 petang setiap Isnin hingga Jumaat dan 9 pagi hingga 12.30 tengah hari pada Sabtu.

Dr Mahathir sendiri menyumbangkan sejumlah besar bahan bacaan koleksi peribadi, di samping hadiah peribadi yang diterimanya ketika menjadi Perdana Menteri.

Tingkat bawah bangunan itu dipenuhi artifak dan pelbagai memorabilia. Untuk ke perpustakaan, pelawat perlu meniti anak tangga sebelum disambut dengan pemandangan tasik yang mengasyikkan.

"Ia memang tempat sesuai untuk menjalankan kajian," kata Dr Mahathir yang mengakui "sedang bekerja keras" menyiapkan memoir dirinya.

Mengenai perkembangan memoir itu setakat ini, beliau ketawa sebelum menjawab: "Adalah dalam satu peratus."

Seperkara menarik ialah yayasan itu menawarkan zamalah (fellowship) kepada calon peringkat doktor falsafah (PhD) bagi menjalankan penyelidikan dan kajian khusus.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu disifatkan menguntungkan kedua-dua pihak - penyelidik dan yayasan.

Ditanya sama ada yayasan itu turut mengumpul dokumen berkaitan Abdullah selaku penggantinya, beliau berkata usaha berkenaan sedang dilakukan.

Tiga acara sudah dimasukkan dalam agenda yayasan itu tahun ini, membabitkan tiga seminar yang bakal berlangsung di dewan yang boleh memuatkan 150 orang.

Yayasan Kepimpinan Perdana, tegas Dr Mahathir, memerlukan dana bagi menjalankan perancangannya dan berharap rakyat Malaysia sedia menghulurkan sumbangan. Apa yang menarik, pembinaan bangunan itu dibiayai oleh rakyat Malaysia yang pemurah.

"Saya bersyukur kerana pembinaan bangunan ini dapat dipercepatkan bagi memastikan ia dapat disiapkan menjelang persaraan saya," katanya.

Beliau menjelaskan, pengendalian yayasan itu memerlukan kos kira-kira RM100 juta.

"Kita tidak mahu meminta dari kerajaan, jadi saya harap ada rakyat Malaysia yang bermurah hati untuk menderma kepada yayasan ini," katanya.

Lembaga pemegang amanah yayasan itu dianggotai 24 individu terkemuka dalam industri dan dunia akademik, mewakili organisasi yang banyak memberi sumbangan. Tokoh korporat, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob, adalah pengarah eksekutifnya.

Dr Mahathir melahirkan harapannya untuk melihat Yayasan Kepimpinan Perdana memiliki reputasi sebagai arkib yang menyimpan koleksi dokumen dan rekod mengenai bekas Perdana Menteri Malaysia - bukan saja untuk dimanfaatkan oleh rakyat tempatan tetapi turut menjadi sumber rujukan warga asing atas faktor ketulenan maklumatnya.

Bagi membantu bekas Perdana Menteri itu menzahirkan impiannya, Yayasan Kepemimpinan Perdana perlu dikunjungi oleh lebih ramai rakyat Malaysia dalam melihat dan menilai sendiri keistimewaannya.

Dan bagi memastikan ia berlaku, Dr Mahathir berkata: "Kita akan meletakkan lebih banyak papan tanda supaya orang ramai tidak perlu sesat untuk ke sini."

(END) Source : Berita Harian